

Sungai Manik banjir, 86 dipindah

BAGAN DATOH - Hujan lebat yang berlarutan petang kelmarin, menyebabkan 86 penduduk di Kampung Rizab Kayu Api, Sungai Manik terpaksa dipindahkan ke Dewan Amal, Parit 2A, semalam.

Mereka dipindahkan kira-kira jam 3 petang semalam selepas rumah dinaiki air setinggi kira-kira 0.6 meter.

Tidak hanya berdepan masalah kerosakan perabot dan barangan elektrik, mangsa, Norhayati Sulaiman, 36, melalui situasi menakutkan apabila rumahnya turut menerima tetamu tidak diundang.

Ibu enam anak itu terkejut apabila salah seorang anaknya, Siti Norbayah Shahrul Ajmal,



Mohamad Ruslan (tiga, kiri) dan penduduk mengharungi ladang kelapa sawit yang ditenggelami air.

8, yang hendak ke tandas secara tidak sengaja terpijak seekor ular tedung sebelum menjerit

meminta tolong.

Katanya, jeritan itu disedari anak sulung, Mohd Izam

Shahrul Ajmal, 20, yang bertindak pantas membunuh binatang berbisa itu.

"Ketika itu kami sedang berkemas untuk berpindah. Ini pengalaman pertama kami, malah antara banjir terburuk yang pernah dialami sejak tiga tahun ini.

Sementara itu, Ketua Kampung, Mohamad Ruslan, 68, terkiln kelewatan pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengorek dan membersihkan Sungai Lampam.

Katanya, banjir tidak akan melanda kampung itu hingga memaksa penduduk berpindah buat kali kedua tahun ini jika tindakan segera diambil JPS.